

NO. SOALAN : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) terdapat berapa buah projek perumahan PRIMA sudah dilaksanakan di Negeri Melaka, dan lokasinya dan harga tawaran dan juga jenis pembinaan; dan

- (b) berapa buah projek masih dalam perancangan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 24,678 unit rumah yang terdiri daripada 23 buah projek untuk dibina di sekitar negeri Melaka. Antara lokasi – lokasi yang telah dikenal pasti termasuklah di sekitar kawasan Alor Gajah, Masjid Tanah, Tangga Batu, Kota Melaka, Bukit Katil dan Jasin. Pada masa ini, sebanyak 6,469 unit sedang berada dalam pembinaan manakala projek-projek lain masih berada dalam fasa perancangan seperti mana yang telah dijadualkan. Jumlah ini akan meningkat dari semasa ke semasa mengikut perancangan projek. Jenis pembangunan yang dirancang adalah terdiri daripada jenis strata dan rumah teres mengikut kesesuaian projek.

Bergantung kepada jenis dan lokasinya, lingkungan harga rumah mampu milik yang disediakan PR1MA adalah di antara RM100,000 – RM400,000. Harga yang ditawarkan ini adalah berasaskan tahap kemampuan pemohon (affordability level). Selain itu, ianya juga adalah secara puratanya 20% lebih rendah daripada harga pasaran bagi projek di kawasan dan spesifikasi yang sama.

Sekian. Terima kasih.